

Elak terperangkap hutang BNPL, pembayaran digital



Oleh Dr Norazah Mohd Suki
bhrencana@bh.com.my

Sejak beberapa tahun kebelakangan, transaksi 'beli dahulu, bayar kemudian' (BNPL) di negara ini meningkat drastik. Bank Negara (BNM) melaporkan jumlah transaksi BNPL melebihi RM1.5 bilion pada 2023 dan dijangka mencapai RM3 bilion pada tahun ini.

Perubahan gaya hidup digital mempercepat penerimaan kaedah pembayaran tanpa tunai, termasuk pembayaran menggunakan kod QR melalui e-dompet serta perbankan dalam talian.

Menurut laporan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), 15 peratus daripada keseluruhan transaksi e-dagang kini dilakukan melalui BNPL, manakala penggunaan bayaran QR dan DuitNow meningkat lebih 50 peratus sejak 2023. Namun, pengguna mungkin tidak sedar risiko kewangan datang bersama teknologi ini.

Walaupun mendapat akses mudah kepada pembelian, ramai terperangkap dalam ansuran bulanan tidak terkawal kerana tiada pemeriksaan kredit ketat sebelum pembelian diluluskan.

Seorang eksekutif muda dari Petaling Jaya berkongsi pengalaman membeli produk penjagaan diri dan kelengkapan rumah menerusi transaksi BNPL. Tiga bulan kemudian, jumlah ansuran mencecah RM3,000 merentasi pelbagai platform BNPL, membuatnya sukar mengurus kewangan.

Di Klang, seorang lelaki membeli televisyen 75 inci bernilai RM7,200, tetapi kemudian gagal membayar bil elektrik dan akhirnya bekalan dipotong.

Kes sebegini menunjukkan penggunaan BNPL tanpa kawalan boleh menjadi perangkap hutang tidak dijangka. Ia semakin membimbangkan apabila BNPL sering digabungkan dengan kemudahan pembayaran digital seperti QR Pay dan pemindahan segera.

Perkenal Akta Kredit Pengguna 2025

Menyadari risiko hutang BNPL semakin meningkat, kerajaan memperkenalkan Akta Kredit Pengguna 2025 bagi memastikan penyedia BNPL beroperasi dengan lebih bertanggungjawab.

Di bawah peraturan baharu, penyedia BNPL wajib melaksanakan pemeriksaan kredit sebelum meluluskan sebarang transaksi, mengehadkan yuran lewat bayar untuk mengelakkan caj tersembunyi membebaskan dan menyediakan struktur pembayaran lebih telus supaya pengguna lebih memahami komitmen kewangan.

Ini termasuk mengintegrasikan platform BNPL dengan CTOS dan CCRIS untuk menilai tahap hutang pengguna sebelum kelulusan pembelian.

Selain itu, bagi mengawal selia kaedah pembayaran digital seperti QR Pay dan DuitNow, BNM kini memastikan semua transaksi melebihi RM1,000 perlu melalui pengesahan tambahan untuk mengelakkan ketirisan kewangan dan penyalahgunaan tanpa kawalan.

Kesedaran mengenai risiko kewangan sama-

kin penting dalam dunia digital. Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) turut melancarkan kempen pendidikan kewangan digital untuk mendidik rakyat mengenai pengurusan perbelanjaan digital dan bahaya hutang BNPL.

Langkah diperkenalkan termasuk integrasi mesin kira kemampuan kewangan dalam platform BNPL untuk membantu pengguna menentukan kemampuan membayar.

Selain itu, mewajibkan penyedia BNPL menyediakan butiran pembayaran lebih jelas sebelum transaksi diluluskan dan bekerjasama dengan institusi kewangan bagi meningkatkan kesedaran penggunaan QR Pay serta perbankan digital lebih selamat.

Kesedaran ini penting kerana tanpa kawalan, rakyat bukan sahaja berisiko terperangkap dalam hutang BNPL, tetapi juga ketinggalan menggunakan pembayaran digital yang terlalu mudah.

BNPL dan pembayaran digital seperti QR Pay dan DuitNow sememangnya memudahkan urusan harian, tetapi jika tidak dikawal dengan baik, boleh menjadi perangkap kewangan.

Walaupun kerajaan memperkenalkan langkah kawalan melindungi pengguna, tanggungjawab sebenar masih terletak pada tangan individu.

Sebelum menggunakan BNPL atau pembayaran digital, tanya diri sendiri, adakah mampu membayar jika perlu dibayar secara penuh.

Jika jawapannya tidak, pengguna perlu menilai semula corak perbelanjaan dan memastikan kemudahan teknologi tidak membawa kepada beban kewangan jangka panjang.